



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعية نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,

JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,

75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 08 September 2017

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.3 TAHUN 2017

Cap Nama Dan Jawatan Di Ruang Tandatangan Pada Dokumen

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.3 tahun 2017 pada 5 September 2017 di Bilik Mesyuarat Saidina Umar, Kompleks Mahkamah Syariah Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Semua dokumen perundangan seperti **saman, afidavit, waran, sepina, bon, perintah, notis dan lain-lain** yang memerlukan tandatangan pegawai Mahkamah hendaklah dicap nama dan jawatan orang yang menandatangani dokumen tersebut.
2. Sekiranya nama dan jawatan telah dicetak, memadai hanya tandatangan sahaja tanpa dicap nama dan jawatan pada dokumen tersebut.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka